

Penjawat awam perlu buat keputusan bijaksana



Omar (tengah) menyerahkan kad kepada Setiausaha CUEPACS Perak, Rodiana Ridzuan pada majlis penyerahan Kad Skuad Pengguna di Ipoh, semalam.

[FOTO FARHAN NAJIB/BH]

Ipoh: Sebanyak 18 perkara yang memberi manfaat kebajikan dan kesejahteraan kepada anggota perkhidmatan awam sudah diberi kerajaan sejak lima tahun lalu.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Omar Osman, berkata ia menjadikan perkhidmatan awam di negara ini antara paling istimewa di dunia kerana mendapat layanan penuh daripada kerajaan.

Keputusan tak matang

"Justeru, sebagai pemimpin pekerja, saya menasihatkan

1.4 juta penjawat awam dan keluarga mereka serta 500,000 pesara membuat keputusan bijaksana dalam memilih kerajaan, jangan buat keputusan kerana 'marahkan nyamuk, kelambu dibakar', itu dikira keputusan tidak matang.

"Sebagai anggota perkhidmatan awam, kita tahu mana buruk dan baik, fikirkan apa manfaat yang kita dapat seperti kenaikan pangkat, bonus, semakan gaji, gaji maksimum dan pelbagai lagi, tidak tahulah esok, kalau orang lain, sama ada benda ini kekal atau tidak," katanya.

Beliau ditemui selepas me-

rasmikan majlis penyerahan Kad Skuad Pengguna kepada Ahli CUEPACS Perak, di sini, semalam.

Tunggu berita baik

Omar berkata, pihaknya berharap akan mendengar lagi berita baik daripada kerajaan khususnya berhubung semakan gaji, kenaikan gred beberapa perjawatan dan elaun dalam tempoh terdekat, iaitu selepas Suruhanjaya Khas Mengkaji Transformasi Perkhidmatan Awam, selesai mengemukakan saranannya kepada kerajaan awal tahun ini.